



# SIARAN MEDIA

## **SISTEM SARAAAN PERKHIDMATAN AWAM : SUNTIK SEMANGAT PROGRESIF WARGA KPKT KE ARAH PERKHIDMATAN YANG PRODUKTIF, RESPONSIF DAN BERKUALITI KEPADA RAKYAT**

---

**PUTRAJAYA, 17 Ogos 2024** – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) progresif meneruskan agenda dan fokus KPKT dalam memberikan perkhidmatan berkualiti demi kesejahteraan rakyat. Reformasi Perkhidmatan Awam (*Civil Service Reform*) akan terus diberi keutamaan oleh warga KPKT bagi menjayakan Agenda Malaysia MADANI selaras dengan amanat Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim sempena Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam ke-19 (MAPPA XIX).

Pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) memberi suntikan semangat kepada seluruh pasukan KPKT untuk terus berusaha dan memberi sepenuh komitmen dalam menyantuni rakyat berteras lapan (8) bidang fokus utama KPKT iaitu:

1. Membangun dan memperkasakan peranan Kerajaan Tempatan;
2. Membangun potensi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi menjana sumber pendapatan tambahan negara;
3. Perancangan perumahan yang lebih komprehensif dan berdaya saing;
4. Pemeriksaan komuniti tanpa mengira kaum;
5. Pengurusan sisa pepejal bersepadu yang lebih efektif dan efisien bagi menghasilkan pelaksanaan ke arah ekonomi kitaran;
6. Memperkukuh agenda bandar mampan dan pintar ke arah perbandaran baharu;
7. Memperkukuh kesiapsiagaan kebombaian dan penyelamatan; dan
8. Mensasarkan pembinaan 100 Taman Rekreasi Awam MADANI di seluruh negara.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) menyambut baik dan memuji tindakan kerajaan dalam melaksanakan reformasi sistem perkhidmatan awam. “Ini merupakan bukti Kerajaan berusaha untuk mempertingkatkan prestasi penjawat awam dengan memastikan rakyat menerima perkhidmatan berkualiti dan terbaik. Ia juga selaras dengan hasrat untuk menjadikan kementerian ini sebagai *centre of excellence* berdasarkan peranan dan fungsinya”

Beliau juga turut mengingatkan warga kerja KPKT untuk terus dedikasi sebagai motivasi menggandakan usaha serta memperlihatkan prestasi kerja cemerlang dalam menjayakan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang telah ditetapkan demi manfaat kepada rakyat.

Warga KPKT menyambut baik pengumuman berkaitan pelarasan gaji penjawat awam melalui SSPA ini. Keputusan ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan kerajaan untuk menghargai sumbangan dan meningkatkan kebajikan kakitangan awam. Penambahbaikan menerusi Pengoptimuman Sumber dan Peningkatan Produktiviti, Pengurusan dan Pembangunan Modal Insan, Pengukuhan Kepimpinan, Pengukuhan Tatakelola dan Pemerkasaan Penyampaian Perkhidmatan akan diberi keutamaan.

KPKT terus komited memperkasakan kualiti penyampaian perkhidmatan yang terbaik dan berintegriti khususnya bagi meningkatkan aspek daya huni serta kesejahteraan rakyat di negara ini.

**#MalaysiaMADANI**  
**#StrongerTogether**  
**#DemiPertawi**  
**#UnityInDiversity**

---

*Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)*

